

PELAJARAN 10: MANFAAT KEJADIAN ALAM

AYAT KEFAHAMAN: SURAH FATHIR AYAT 12-13

INTISARI AYAT

1. Kebesaran Allah dijelaskan melalui bukti kejadian laut dan sungai.
2. Khazanah yang ada dalam laut dan sungai menjadi sumber makanan dan perhiasan kepada manusia.
3. Permukaan laut membolehkan kapal-kapal perdagangan belayar dengan selamat, wajib bersyukur.
4. Perjalanan matahari dan bulan pada aturan paksinya tersendiri.
5. Peredaran matahari dan bulan menyebabkan berlakunya SIANG dan MALAM.
6. Keagungan Allah Taala ditunjukkan dengan memasukkan malam kedalam waktu siang dan sebaliknya yang membawa kepada 4 musim.
7. Allah Taala memberi amaran kepada golongan yang mensyirkannya bahawa mereka tidak mempunyai sesuatu apa pun.

PENGERTIAN KEJADIAN ALAM

KEJADIAN ALAM

1. Alam Semesta: suatu hamparan dan ruangan yang sangat luas yang tidak diketahui dan tidak dapat dibayangkan luasnya.
2. Alam termasuk kategori MAKHLUK kerana ianya adalah ciptaan Allah Taala.
3. Penciptaan alam ini bertujuan memberikan kemudahan dan kesenangan kepada manusia.

Dalil Naqli; ayat 30 Surah al-Anbiya'

1. Ayat menjelaskan bahawa langit dan bumi bercantum keduanya sebelum dipisahkan oleh Allah Taala.
2. Ayat menjelaskan kejadian Air sebagai makhluk Allah Taala; sumber asas bagi semua kehidupan; tanpa air hidupan tidak akan wujud sama sekali.

KEKUASAAN ALLAH MELALUI KEJADIAN ALAM.

1. Penciptaan manusia membuktikan kewujudan dan kekuasaan Allah Taala.
2. Penciptaan sungai dan laut, menjadi sumber makanan, minuman dan khazanah laut dapat dijadikan perhiasan yang sangat bermanfaat kepada kehidupan manusia.
3. Penciptaan laut membolehkan kapal dagang belayar mengilelingi dunia, berhubung dari satu tempat ke suatu tempat yang lain.
4. Peredaran bulan dan matahari menyebabkan berlakunya siang dan malam.
5. Allah Taala memanjangkan malam pada waktu sejuk, memanjangkan waktu siang pada musim panas.

HIKMAH KEJADIAN ALAM KEPADA MANUSIA.

1. Supaya manusia berfikir tentang kejadian alam untuk menambah keimanan kepada Allah Taala.
2. Memudahkan kehidupan manusia di dalam alam ini dengan memanfaatkan sumber alam sekitar.
3. Mengurus dan memajukan alam ini dengan berpandukan syariat Islam.
4. Supaya manusia dapat berinteraksi dengan alam ciptaan Allah Taala.

KEPENTINGAN MENJAGA ALAM SEKITAR.

1. Merupakan asas keimanan seseorang.
2. Medan untuk bertadabbur, yang memberi keinsafan/ kesedaran kepada manusia terhadap penciptaan alam yang unik dan mengandungi tanda-tanda kebesaran Ilahi.

3. Dapat mengekalkan kesihatan tubuh badan manusia sehingga mudah untuk beribadah kepada Allah Taala.
4. Menambah keimanan dan ketaqwaan kepada Allah Taala dengan melihat dan menikmati keindahan dan keaslian alam sekitar yang merupakan tanda kebesaran Allah Taala.
5. Dapat menjauhkan manusia daripada kemusnahan, kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda akibat berlakunya bencana alam.
6. Bukti ketaatan kepada Allah Taala serta sebagai kelangsungan manfaat manusia di dunia ini.